

**KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD**  
**UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN**

***PEMBIAYAAN BARANGAN KONSUMER***

1) KELAYAKAN ANGGOTA

Mesti menjadi anggota koperasi sekurang-kurangnya enam bulan dan telah menyempurnakan bayaran yuran bulanan untuk tempoh tersebut ATAU memiliki sekurang-kurangnya modal yuran sebanyak RM100.00 dan menjadi anggota sekurang-kurangnya satu bulan.

2) POTONGAN GAJI BIRO PERKHIDMATAN ANGKASA ( BPA )

- a) Anggota mesti mempunyai kemudahan potongan gaji melalui BPA
- b) Jumlah potongan gaji bulanan anggota tidak boleh melebihi 60% dari gajinya termasuk potongan ansuran pembiayaan ini.
- c) Sekiranya gaji bulanan tidak dapat dibuat atas sebab-sebab yang tertentu, pemohon adalah bertanggungjawab untuk membuat bayaran secara persendirian kepada koperasi.

3) DOKUMEN – DOKUMEN

- a) Borang Permohonan Pembiayaan Barangan Konsumer
- b) Penyata Gaji 3 bulan terkini yang asal dan salinan kad pengenalan pemohon

4) PENJAMIN

Tidak perlu ada penjamin

5) HAD PEMBIAYAAN

Bermula RM1000.00 sehingga RM20,000.00

6) FAEDAH & CAJ PEMBIAYAAN

- a) Faedah adalah pada kadar 3% ke atas jumlah pembiayaan x tempoh pembiayaan
- b) Tiada ada caj pemprosesan

7) CAJ BAYARAN LEWAT

1% daripada jumlah belum jelas, tertakluk kepada minimum RM10.00 dan maksimum RM30.00.

8) TEMPOH BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN

Minimum	–	6 bulan
Maksimum	–	60 bulan

9) KUASA ANGGOTA LEMBAGA TERHADAP PEMBIAYAAN

Pemohon tidak boleh menuntut sesuatu pembiayaan sebagai suatu hak anggota. Anggota Lembaga berhak menolak sesuatu permohonan pembiayaan atau menghadkan jumlahnya.

- 10) Pemohon akan menanggung pembayaran 0.6% komisen yang dicaj oleh Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA) untuk bayaran ansuran pembiayaan.

11) PEMBEKAL BARANGAN KONSUMER

Semua pembelian mesti melalui Syarikat Pembekal Berdaftar yang dilantik oleh KPPK BHD.

- 12) Tiada tambahan kos seperti :-
- a) Kos Penghantaran
  - b) Kos Pemasangan
  - c) Kos-kos lain seperti sewa, pengangkutan dan pemasaran

- 13) Pegawai jualan syarikat pembekal akan membantu mengendalikan “Proses Pembelian” dari awal sehingga akhir, terutamanya dalam proses melengkapkan borang dan servis selepas jualan.

- 14) Barangan yang dibekalkan adalah “Set Original” dan sebarang masalah boleh menghubungi pusat servis pembekal berdekatan yang akan dimaklumkan.

- 15) Setiap pembelian akan diberi jaminan “Warranty”.



**PEMBIAYAAN BARANGAN KONSUMER**

**SKIM PEMBIAYAAN MENGGUNAKAN MURABAHAH**

**KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD**

**PERJANJIAN INI DIBUAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KONSEP MURABAHAH**

Perjanjian ini dibuat pada ..... hb ..... Di antara

**KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD**

Alamat : 15 JALAN MURAI 2, BATU KOMPLEKS,  
 OFF JALAN SULTAN AZLAN SHAH  
 ( JALAN IPOH ),  
 51200 KUALA LUMPUR.

(Selepas daripada ini disebut "Koperasi") sebagai pihak pertama

Dengan

Nama : .....

No. K/P : .....

Alamat : .....

.....

(selepas daripada ini disebut "Anggota") sebagai pihak kedua

- 1) Adalah dengan ini "Pihak Pertama" bersetuju memberi Pembiayaan Kewangan di bawah Konsep *Murabahah* (selepas ini dirujuk dengan "Skim Ini") kepada "Pihak Kedua" tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dan dipersetujui, iaitu :

No	Jenis Barang / Kenderaan	*Harga Jualan (RM)

(selepas ini dirujuk dengan "Jumlah Pembiayaan *Murabahah*")

*\*Harga Jualan adalah dengan mengambil kira jumlah keuntungan secara keseluruhan.*

- 2) Bahawa dengan ini "Jumlah Pembiayaan *Murabahah*" yang diberikan kepada "Pihak Kedua" adalah sebanyak **RM** \_\_\_\_\_.

- 3) Bahawa dengan ini "Pihak Pertama" melafazkan *Ijab 'Aqd Murabahah* [dirujuk kepada Lampiran '*Aqd Murabahah/ Wakil Lafaz 'Aqd*].
- 4) Bahawa dengan ini "Pihak Kedua" melafazkan *Qabul 'Aqd Murabahah* [rujuk Lampiran '*Aqd Murabahah/ Wakil Lafaz 'Aqd*].
- 5) Oleh yang demikian, "Pihak Kedua" berjanji dan bersetuju secara TIDAK TERBATAL, bahawa :

***Tempoh Pembayaran Balik Pembiayaan yang Dipersetujui Bersama***

- a. Membenarkan Majikan / Ketua Jabatan "Pihak Kedua" memotong gaji bulanan "Pihak Kedua" atau menambahkan potongan gaji sebanyak :

**RM \_\_\_\_\_ x \_\_\_\_\_ bulan** [selepas ini dirujuk sebagai "Ansuran-ansuran Tersebut"]

dan membayar kepada "Pihak Pertama" sebagai bayaran balik pembiayaan "Pihak Kedua" terhadap "Pihak Pertama" sehingga "Jumlah Pembiayaan *Murabahah*" dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh perjanjian ini (jika ada) diselesaikan sepenuhnya.

**atau**

Membenarkan Majikan / Ketua Jabatan "Pihak Kedua" memotong gaji bulanan "Pihak Kedua" atau menambahkan potongan gaji sebanyak :

**RM \_\_\_\_\_ x \_\_\_\_\_ bulan & RM \_\_\_\_\_ x bulan** [selepas ini

dirujuk sebagai "Ansuran-ansuran Tersebut"] dan membayar kepada "Pihak Pertama" sebagai bayaran balik pembiayaan "Pihak Kedua" terhadap "Pihak Pertama" sehingga "Harga Tangguh" dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh perjanjian ini (jika ada) diselesaikan sepenuhnya.

**atau**

Membenarkan Majikan / Ketua Jabatan "Pihak Kedua" memotong gaji bulanan "Pihak Kedua" atau menambahkan potongan gaji sebanyak :

**RM \_\_\_\_\_ x \_\_\_\_\_ bulan dan akan memasukkan lebih jumlah pembayaran (jika ada) ke dalam akaun ahli secara automatik** [selepas ini

dirujuk sebagai "Ansuran-ansuran Tersebut"] dan membayar kepada "Pihak Pertama" sebagai bayaran balik pembiayaan "Pihak Kedua" terhadap "Pihak Pertama" sehingga "Harga Tangguh" dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh perjanjian ini (jika ada) diselesaikan sepenuhnya.

- b. Ansuran-ansuran "Jumlah Pembiayaan *Murabahah*" mestilah dilunaskan mengikut tarikh dan bulan yang ditetapkan sepertimana yang ditetapkan oleh "Pihak Pertama".
- c. Mengekalkan wang simpanan bulanan sekurang-kurangnya RM \_\_\_\_\_ sehingga "Jumlah Pembiayaan *Murabahah*" tersebut dan lain-lain bayaran (jika ada) diselesaikan sepenuhnya.
- d. Membenarkan baki dalam saham dan simpanan (sama ada dengan "Pihak Pertama" atau sebaliknya) diambil untuk bayaran balik "Jumlah Pembiayaan *Murabahah*" tersebut setakat yang ada atau setakat yang terhutang sekiranya "Pihak Kedua" gagal, lalai atau cuai untuk menjelaskan jumlah pembiayaan pada bila-bila masa.
- e. Tidak akan berhenti daripada menjadi anggota "Pihak Pertama" sehingga seluruh "Jumlah Pembiayaan *Murabahah*" tersebut dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan yang terwujud oleh perjanjian ini (jika ada) diselesaikan sepenuhnya kepada "Pihak Pertama".
- f. Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan khasnya berhubung dengan pembayaran "Jumlah Pembiayaan *Murabahah*" tersebut dan pembiayaan yang diperoleh daripada "Pihak Pertama".
- g. Membenarkan "Pihak Pertama" menuntut daripada "Pihak Kedua" segala kos, perbelanjaan, yuran, bayaran, ganti rugi dan sebagainya yang berkaitan dengan usaha "Pihak Pertama" mendapatkan hak "Jumlah Pembiayaan *Murabahah*"nya sekiranya berlaku pelanggaran "Pihak Kedua" terhadap Perjanjian ini
- h. "Pihak Kedua" bersetuju membayar semua atau setiap ansuran mengikut jadual yang telah dipersetujui bersama tanpa sebarang kelewatan atau kemungkiran. Sekiranya berlaku perkara yang melanggar perjanjian pembayaran, "Pihak Kedua" bersetuju dan berjanji untuk membayar kepada koperasi ini "*Ta'widh* (iaitu ganti rugi yang dikenakan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh Pembiaya kesan kelewatan pembayaran pembiayaan oleh Penerima Biaya) / *Gharamah* (iaitu penalti atau denda yang dikenakan kerana kelewatan melunaskan hutang tanpa perlu pembuktian kewujudan kerugian sebenar)" mengikut peratusan yang telah diputuskan oleh Ahli Lembaga Koperasi.

- i. Adalah dengan ini "Pihak Pertama" membenarkan "Pihak Kedua" mengambil sebanyak \_\_\_% daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan untuk dimasukkan di dalam "**Tabung Tabarru**". Tabung ini digunakan untuk membantu "Pihak Pertama" dan anggota-anggota yang lain yang tidak dapat membayar semula hutangnya disebabkan oleh keadaan-keadaan yang telah diluluskan oleh "Pihak Pertama" seperti kematian dan hilang upaya kekal.
  - j. Mendapatkan \_\_\_\_\_ orang penjamin (seperti berikut) untuk menjamin pematuhan kesemua terma dan syarat Perjanjian ini oleh "Pihak Kedua" serta jaminan pembayaran "Jumlah Pembiayaan *Murabahah*" tersebut dan lain-lain bayaran (jika ada) yang terwujud hasil daripada Perjanjian ini.
  - k. Kesemua hak, remedi dan kuasa "Pihak Pertama" di sini adalah bersifat kumulatif dan tidak bersifat eksklusif daripada hak-hak dan kuasa-kuasa "Pihak Pertama" di bawah undang-undang dan ekuiti khasnya di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502).
  - l. Perjanjian ini serta kesemua terma dan syaratnya harus ditaksirkan dan diputuskan oleh Undang-undang Malaysia.
8. Adalah dengan ini "Pihak Pertama" dan "Pihak Kedua" memahami dengan sebenarnya mengenai keseluruhan isi kandungan perjanjian ini.
9. Kesemua terma dan syarat yang tercatat di atas adalah dengan ini dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang telah menandatangani di bawah ini :-

Ditandatangani oleh :

[Tandatangan Pihak Pertama] / : .....  
Wakil Koperasi

[Nama Pihak Pertama] / Wakil Koperasi : .....

[Jawatan] : .....

[No. Kad Pengenalan] : .....

[Tandatangan Saksi Pihak Pertama] / : .....  
Saksi Koperasi

[Nama Saksi Pihak Pertama] / : .....

Saksi Koperasi

[Jawatan] : .....

[No. Kad Pengenalan] : .....

[Tandatangan Pihak Kedua] / : .....  
Anggota Koperasi

[Nama Pihak Kedua] / Anggota Koperasi: .....

[Jawatan] : .....

[No. Kad Pengenalan] : .....

[Tandatangan Saksi Pihak Kedua] / : .....  
Saksi Anggota

[Nama Saksi Pihak Kedua] / : .....

Saksi Anggota

[Jawatan] : .....

[No. Kad Pengenalan] : .....

**'Aqd Murabahah (Ijab) - Oleh Wakil Koperasi**

Dengan ini saya bagi pihak **Koperasi Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Berhad** bersetuju menjual **barangan ini** kepada Tuan / Puan dengan harga **RM\_\_\_\_\_ (Harga Asal + Keuntungan)** secara tangguh seperti yang termaktub di dalam Perjanjian *Murabahah*.

**'Aqd Murabahah (Qabul) - Oleh Anggota / Pelanggan**

**(SAYA BERSETUJU SEPERTI DI ATAS) – Lafaz Qabul**

**Perakuan Pelantikan Wakil Untuk Lafaz 'Aqd (Akad) Murabahah**

**Diisi oleh Ahli / Penerima Biaya :**

Adalah dengan ini saya bersetuju melantik ALK / Pengurusan Koperasi ini bagi mewakili saya untuk melafazkan *'Aqd Murabahah* terhadap pembiayaan saya.

Yang benar,

.....

**Nama :**  
**No. K/P :**

---

**Diisi oleh ALK / Pengurusan Koperasi :**

Adalah dengan ini saya bersetuju menerima Perlantikan Wakil Lafaz *'Aqd Murabahah* seperti yang tertera di atas.

Yang benar,

.....

**Nama :**  
**Jawatan :**